

## Fatwa Pembedahan Pertukaran Jantina di Malaysia A Fatwa on Sex-change Operation in Malaysia

Rosdiana Onga<sup>1</sup>, Ros Aiza Mohd Mokhtar<sup>2</sup>, Abd Hakim Mohad<sup>3</sup>

### ABSTRAK

Pada dasarnya Islam mengiktiraf jantina biologi manusia iaitu samaada lelaki ataupun perempuan. Namun begitu, masalah kecelaruan identiti gender yang dialami oleh sesetengah kelompok yang dikenali sebagai transeksual seringkali dikaitkan dengan pembedahan untuk menukar jantina. Di Malaysia, perbincangan berkenaan isu penukaran jantina telah ditetapkan hukumnya melalui Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengharamkan pembedahan untuk menukar jantina kecuali dalam situasi khunsa. Kertas ini bertujuan memberikan pendedahan berkenaan fatwa yang menerima dan menolak pertukaran jantina dengan memberi fokus kepada alasan penerimaan dan penolakannya. Metodologi yang digunakan ialah kajian kepustakaan. Perbincangan mengenai isu pertukaran jantina menunjukkan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan hanya membenarkan khunsa untuk melakukan penyempurnaan jantina yang tidak jelas. Hal ini berbeza dengan *mukhannas* yang telah jelas jantina mereka dan tidak memerlukan sebarang perubahan kerana dianggap mengubah ciptaan Allah swt.

**Kata kunci:** Transeksual, Pembedahan pertukaran jantina, Fatwa

### ABSTRACT

*At its essence, Islam recognises the biological gender of humans, both male and female. However, the problem of gender dysphoria, or gender identity confusion among a group of people that identified themselves as transsexuals has often raised the issue of sex-change operations. In Malaysia, the debate on sex change has been settled by the National Fatwa Council Committee, who has ruled it haram or forbidden for one to change their genders except in the cases of khunsa or hermaphrodites. This paper explores the fatwa that accept and rejects gender transitions, by focusing on the reasons to accept and reject them. This study uses the library research methodology. The debate on the sex change issue shows the fatwa issued by the National Fatwa Council Committee only allows sex change operations in cases of hermaphrodites to properly define their gender status. This is different from the mukhannas, whose biological sex is certain and do not need any operation, as it would challenge Allah s.w.t.'s perfect creation.*

**Keywords:** Transsexuals, sex-change operations, Fatwa.

---

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, [rosdiano@yahoo.com.my](mailto:rosdiano@yahoo.com.my)

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, [rosaiza@usim.edu.my](mailto:rosaiza@usim.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, [abdhakim@usim.edu.my](mailto:abdhakim@usim.edu.my)

## Pendahuluan

Penetapan jantina biologi manusia sewaktu kelahiran adalah berdasarkan keadaan fizikal seseorang iaitu samaada lahir sebagai lelaki ataupun perempuan. Identiti jantina yang diiktiraf pada seseorang individu seterusnya memperlihatkan peranan gender samada feminin mahupun maskulin. Namun begitu, tidak dapat dinafikan berlakunya keadaan jantina yang tidak dapat dipastikan. Bagaimanapun, kemajuan dunia perubatan telah memberikan manfaat yang besar terhadap golongan yang mengalami ketidak sempurnaan jantina ini melalui kaedah pembedahan yang membolehkan mereka menyempurnakan alat kelamin. Penemuan baru yang dicapai melalui kaedah rawatan boleh dianggap sebagai suatu pencapaian yang gemilang yang membuktikan kebijaksanaan manusia. Dari sudut yang lain, pencapaian ini turut menjadi alternatif dari kalangan golongan transeksual untuk melakukan pertukaran jantina mengikut kehendak yang dirasakan sesuai dengan jiwa mereka. Perkara ini menjadikan perbincangan berkenaan isu transeksual menjadi semakin kompleks terutama apabila transeksual dikaitkan dengan *gender identity disorder* atau individu yang mengalami kecelaruan identiti gender.

Di Malaysia, golongan transeksual tidak mendapat pengiktirafan walaupun hampir 70 peratus daripadanya adalah di kalangan orang Melayu dan beragama Islam (Teh, 2002). Ini termasuklah golongan lelaki lembut, *cross dresser* dan *transvestite*. Berdasarkan kajian Suraiti Ghazali *et al.* (1985), isu transeksual di Malaysia mendapat tumpuan melalui pelbagai tajuk yang dipamerkan oleh laporan dan rencana akhbar yang membayangkan kegelisahan dan simpati masyarakat terhadap golongan ini. Sementara itu, isu pembedahan untuk menukar jantina oleh golongan transeksual telah diputuskan melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang bersidang pada tahun 1983 mengharamkan perbuatan tersebut. Melalui beberapa kajian awal yang dilakukan di Malaysia, dapatan kajian menunjukkan reaksi yang berbeza dalam kalangan transeksual berhubung fatwa yang dikeluarkan oleh JFMK. Dalam kajian Khairuddin *et al.* (1987) ke atas 73 responden menunjukkan 20 peratus bersetuju dengan pengharaman pembedahan pertukaran jantina dan selebihnya tidak bersetuju dengan memberikan alasan dan pandangan peribadi bagi menjustifikasikan perbuatan tersebut. Manakala kajian Teh (1998) ke atas 507 mak nyah mendapati hanya 19 peratus yang melakukan pembedahan pertukaran jantina dan selebihnya hanya mengambil ubat-ubatan bagi merangsang hormon wanita. Sungguhpun begitu, kajian tersebut turut mendapati kebanyakan responden menyedari bahawa pembedahan untuk

menukar jantina adalah haram sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (JFMK).

Sementara itu, dapatan kajian oleh Chang Lee Wei et al. (2012) berkenaan dengan isu transgender di Malaysia menunjukkan adanya tanggapan dalam kalangan responden beragama Islam yang mendakwa berlakunya salah faham dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran dari kalangan penguatkuasa agama menyebabkan masyarakat mencemuh dan meminggirkan golongan transeksual. Selain itu, responden dalam kajian tersebut turut mempersoalkan fatwa JFMK ini. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis fatwa yang menolak pembedahan pertukaran jantina yang diputuskan oleh JFMK serta melihat alasan serta pro dan kontra fatwa tersebut. Metodologi yang digunakan adalah kaedah perpustakaan dengan meneliti buku-buku, artikel, fatwa, laporan akhbar dan bahan bacaan yang berkaitan.

### **Transeksual Menurut Perspektif Barat**

Istilah transeksual mulanya diperkenalkan oleh David Oliver Cauldwell pada tahun 1949 (Stryker & Whittle, 2006) yang kemudiannya dipopularkan oleh Harry Benjamin pada tahun 1966 (Hausman, 1995). Istilah transeksual digunakan untuk menerangkan seseorang yang mengalami gender yang bertentangan dengan jantina yang dimiliki ketika kelahiran, termasuklah mereka yang menolak jantina tetapi masih mengekalkan alat kelamin mereka (Stryker, 2008). Golongan ini seringkali disebut sebagai individu yang terperangkap dalam tubuh yang salah (Mohd Roslan Rosnon et al., 2013; Teh Yik Koon, 1998; Wan Azmi Ramli, 1991). Ekspresi transeksual biasanya dalam bentuk tingkah laku, penampilan, cara berpakaian dan dandanan di samping mengambil ubatan-ubatan bagi merangsang hormon sehinggalah kepada melakukan pembedahan untuk menukar jantina bagi melengkapkan keinginan untuk menjadi jantina yang dirasakan sesuai dengan jiwa mereka (Wan Azmi Ramli, 1991).

Pada tahun 1980, edisi ketiga Manual Diagnostic and Statistic Mental Disorder (DSM-III) menyebut transeksualisme buat pertama kalinya sebagai penyakit mental. Setelah itu, dalam DSM-IV- TR istilah transeksualisme dipadamkan dengan menggantikannya kepada istilah *Gender Identity Disorder* (GID). Oleh itu, ia dikeluarkan dari senarai penyakit mental dan diletakkan di antara salah satu jenis kecelaruan identiti jantina bersama dengan

kecelaruan identiti jantina yang tidak pasti. DSM-IV-TR meletakkan ciri diagnostik kecelaruan identiti gender terdiri daripada dua komponen iaitu: (American Psychiatric Association, 2000)

1. Keinginan yang kuat dan berterusan bagi seseorang itu mempunyai atau desakan untuk mempunyai jantina yang satu lagi
2. Terdapat bukti bahawa seseorang merasa tidak selesa secara berterusan dengan jantina kelahirannya.

Melalui ciri diagnostik ini, disimpulkan bahawa GID bukan sahaja mempunyai keinginan silang jantina yang kuat dan kukuh malah sentiasa merasa tidak selesa terhadap jantina mereka. Kemudian pada tahun 2013, istilah GID dihapuskan dalam DSM 5 kerana mempunyai makna stigma dan digantikan dengan istilah *Gender Dysphoria* (Aghabikloo et al., 2012). *Gender Identity Disorder* atau *Gender Dysphoria* secara umumnya merangkumi perasaan tidak selesa pada anatomi seksual sendiri dan keinginan mendesak untuk hidup sebagai orang yang bertentangan dengan jantina mereka. Rawatan yang dicadangkan oleh pakar perubatan moden bagi merawat GID atau GD ialah melalui dua tahap intervensi perubatan iaitu dengan menjalankan terapi hormon serta melalui kaedah pembedahan pertukaran jantina (Sayed Sikandar, 2011).

### **Transeksual Menurut Perspektif Islam**

Di dalam Islam, jantina manusia telah ditetapkan samaada lelaki ataupun perempuan melalui firman Allah SWT seperti berikut:

Terjemahan: “Ia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Atau Ia mengurniakan kedua-duanya anak lelaki dan perempuan dan Ia juga menjadikan sesiapa yang dikehendaki-Nya mandul. Sesungguhnya Ia maha mengetahui lagi maha berkuasa”

(Surah Al-Syura ayat 49-50)

Menerusi ayat ini, hanya terdapat dua jantina yang disebut di dalam Al-Quran iaitu samaada lelaki atau perempuan. Sementara itu, transeksual digolongkan dalam kelompok *mukhannas*. Kamus *Mu'jam Fuqaha'* mentakrifkan *Mukhannas* sebagai lelaki yang menyerupai perempuan dalam cara berjalan, bercakap, kemanjaan dan kelembutannya (Muhammad Rawas, 1988). Sementara Al-Zuhayli (2007) mentafsirkan *Mukhannas* sebagai

golongan lelaki yang memiliki zakar sejak dilahirkan tetapi sikapnya menjadi lembut seperti wanita akibat daripada dorongan naluri, tekanan jiwa serta nafsu sehinggakan ada yang sanggup melakukan pembedahan untuk mengubah jantina serta menambah payu dara.

Mazhab Imam Ahmad menyatakan bahawa *mukhannas* ialah seorang yang tiada syahwat atau rosak syahwatnya kerana berkelakuan seperti wanita dan tidak bersifat sebagai seorang lelaki. Hukumnya sama dengan keluarga mahram dalam kes memandang aurat silang jantina. Sekiranya dia ada syahwat dan celik wanita hukumnya adalah sama dengan hukum lelaki yang lain (Ibn Qudamah, 1997). Menurut mazhab Imam Abu Hanifah pula, mukhannas ialah seorang lelaki yang memiliki tingkah laku perempuan. Jika sekiranya tingkah laku mereka melampaui batas dan melebihi diri kepada sifat keperempuanan serta mereka melakukan perbuatan keji maka bukan sahaja dianggap sebagaimana lelaki, malah seorang yang fasik dan perlu dipisahkan dari kalangan perempuan (al-Sarkhasi, 1987).

Sementara Syafi'iyah berpendapat *mukhannas* ialah orang yang berakhlak dengan akhlak perempuan dalam gerak geri dan penampilan. Jika sekiranya itu merupakan pembawaan semulajadi maka tidak dianggap berdosa (al-Syarbini, t.t). Malikiyyah pula berpendapat *mukhannas* bukanlah orang yang terkenal dengan perbuatan keji tetapi seseorang yang keterlaluan disebabkan dirinya memiliki banyak sifat keperempuanan sehingga menyerupai seorang perempuan dari segi perwatakan, percakapan, kelembutan, suara, akal fikiran dan perlakuan (al-Andalusi, 1967)

Berdasarkan pendapat ulama' Fiqh Islam, *mukhannas* terbahagi kepada dua iaitu ( Razali & Anisah, 2015):

1. *Mukhannas* semula jadi iaitu lelaki yang seumpama perempuan pada cara bercakap, kelembutan anggota dan kecelaruan kejadiannya. Mereka tidak mempunyai nafsu terhadap wanita dan tidak dikenali dengan perbuatan keji. Golongan ini tidak termasuk dalam lingkungan mereka yang dilaknat dalam hadis-hadis Rasulullah SAW.
2. Lelaki yang sengaja berkelakuan sebagaimana perempuan dalam gerak-geri dan rupa diri (cara berpakaian, berhias dan perhiasan), menyerupai perempuan pada rupa bentuk tubuhnya dan cara bercakap. Ia dianggap perbuatan buruk, maksiat dan pelakunya dianggap berdosa dan tergolong dalam mereka yang dilaknat dalam hadis-hadis Rasulullah SAW.

Antaranya daripada Ibnu Abbas RA berkata:

Terjemahan: “Sesungguhnya Rasulullah SAW melaknat perempuan yang menyerupai lelaki dan lelaki yang menyerupai perempuan”

(Hadith al-Bukhari, no. hadith 5435)

Ini dikuatkan lagi dengan nas Sunnah yang lainnya daripada Ibnu Abbas RA berkata:

Terjemahan: Nabi SAW mengutuk (melaknat) lelaki yang bersifat kewanitaan dan wanita yang bersifat kelakian, dengan sabdanya: ‘keluarlah mereka daripada rumah-rumah kamu.’ Ibnu Abbas menambah lagi: ‘Maka Nabi SAW telah mengeluarkan si fulan, dan Umar juga telah mengeluarkan si fulan.’

(Hadith al-Bukhari, no. hadith 5436)

Hadis ini menyebut bahawa Nabi SAW melaknat golongan lelaki berpakaian wanita dan sebaliknya dan ianya adalah pelengkap kepada hadith sebelumnya yang menyebut dengan jelas berkenaan aspek penyerupaan dari sudut penampilan. Al-Tabari menjelaskan maksud hadith mengharamkan lelaki menyerupai perempuan dari aspek pakaian dan perhiasan yang dikhususkan untuk perempuan dan sebaliknya. Ibnu Hajar menambah, demikian juga termasuk pada percakapan dan pergerakan. Malah menurut Ibnu Hajar, jika hal itu (*mukhannas*) diciptakan ke atas mereka oleh penciptanya maka mereka diperintahkan untuk memaksa diri agar meninggalkan hal tersebut secara beransur-ansur. Jika sekiranya mereka tetap menunjukkan penyerupaan yang bertentangan maka perbuatan tersebut masuk dalam celaan (Al-Asqalani, 1993). Berdasarkan kedua-dua hadis berkenaan dapat disimpulkan bahawa Islam melarang dan mengharamkan perbuatan meniru atau menyerupai jantina lain samaada pakaian, percakapan, tingkah laku dan sebagainya. Pengharaman ini menjadi sebab golongan *mukhannas* tidak diiktiraf di dalam Islam kerana ia menyimpang daripada sifat yang Allah SWT tetapkan kepada mereka. Bagaimanapun, golongan ini harus dibezakan dengan khunsa yang lahir dengan jantina yang tidak jelas atau sempurna.

Khunsa ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan atau lubang khusus yang terdapat pada tempat kemaluan seperti alat membuang air kecil (Ibnu Qudamah, t.t). Khunsa terbahagi kepada dua iaitu *khunsa wadhiah* (nyata) dan *khunsa mushkil* (tidak nyata). *Khunsa wadhiah* ialah mereka yang jelas memiliki tanda dominan kekelakian atau keperempuanan. Sementara *khunsa mushkil* menunjukkan ketiadaan tanda dominan sehingga sukar untuk dibezakan seperti air kencing keluar serentak atau hanya dapat dibezakan setelah baligh (Ibnu Qudamah, t.t). Al-Zuhaily (2007) menjelaskan penentuan jantina bagi *khunsa mushkil* dilakukan melalui dua kaedah iaitu:

1. Sekiranya individu itu membuang air kencing melalui kemaluan lelaki atau berjanggut, maka dia dianggap sebagai lelaki.
2. Sekiranya individu itu membuang air kencing melalui kemaluan perempuan dan memiliki buah dada, maka dia dianggap sebagai perempuan.

Berdasarkan penerangan di atas, kajian menyimpulkan terdapatnya perbezaan yang nyata di antara *mukhannas* dan *khunsa* dari segi pentakrifan, ciri-ciri dan pembahagiannya.

### **Prosedur Pembedahan Pertukaran Jantina**

Secara umumnya, prosedur pembedahan pertukaran jantina melibatkan pengubahan fizikal samaada transeksual atau lelaki lembut perempuan kepada lelaki atau sebaliknya. Melaluinya pakar perubatan akan menghilangkan alat kelamin asal dan membina alat kelamin yang bertentangan dengan jantina. Tidak hanya pada itu, kaedah rawatan melalui pembedahan jantina boleh dilakukan ke atas bayi yang baru lahir yang mengalami kecacatan jantina iaitu memiliki dua alat kelamin. Bagi golongan transeksual, prosedur pembedahan dilakukan di bawah syarat yang ketat yang memerlukan pengesahan daripada pakar psikiatri atau psikologi sebelum diterima untuk menjalani rawatan ini (Sayed Sikandar, 2011).

Proses pembedahan bermula dengan pemeriksaan kesihatan dan selepas doktor berpuas hati, calon diberi penerangan tentang implikasi kesihatan atas pilihan tersebut sebelum mendapatkan persetujuan bagi menjalani rawatan. Proses pembedahan yang berbeza dilakukan ke atas calon berdasarkan kepada jenis jantina mereka. Dalam kes pembedahan lelaki kepada perempuan, prosedur dilakukan dengan menghentikan terapi hormon dalam jangka masa tertentu bagi mengelak pendarahan berlebihan semasa pembedahan. Setelah itu, alat kelamin akan dihilangkan bagi membentuk alat kelamin perempuan (Sayed Sikandar, 2011). Prosedur ini memerlukan rawatan susulan yang memakan masa di antara enam sehingga dua puluh empat bulan bagi tujuan pemerhatian terhadap hasil pembedahan. Pelbagai prosedur perubatan yang lain turut disediakan sebagai pilihan bagi meningkatkan penampilan feminin seperti pembesaran buah dada, pengambilan hormon, pengubahan tone suara termasuk pembedahan untuk membentuk dagu dan sebagainya (Sayed Sikandar, 1998).

Pembedahan bagi kes perempuan kepada lelaki pula, kejayaan prosedur pembedahan tidak begitu menggalakkan disebabkan kesukaran untuk membina zakar menggunakan alat

kelamin perempuan. Akibatnya, kepuasan untuk menjadi jantina yang berlawanan tercapai memadai dengan hanya menghilangkan payu dara. Terdapat juga calon yang memilih untuk menggunakan zakar prostetik samaada dilekat atau diikat pada bahagian kemaluan atau membina zakar melalui pembedahan plastik. Pembedahan ini melibatkan beberapa prosedur seperti menghilangkan uterus dan ovari, seterusnya pembinaan struktur berbentuk tiub daripada abdomen atau bahagian kulit paha calon untuk disambungkan pada alat kelamin bagi mendapatkan seberapa banyak rangsangan seksual. Bagaimanapun, pembinaan zakar tidak semestinya boleh digunakan untuk bersetubuh, malah pembedahan ini biasanya menimbulkan masalah kesihatan seperti kencing tidak lawas (Sayed Sikandar, 1998).

### **Fatwa Pembedahan Pertukaran Jantina di Malaysia**

Pembedahan jantina biasanya dikaitkan dengan dua keadaan iaitu:

1. Mereka yang lahir dengan keadaan jantina yang tidak jelas.
2. Mereka yang lahir dengan jantina yang jelas tetapi bertentangan dengan jiwa mereka atau mereka yang mengalami kecelaruan identiti gender (GID).

Keadaan pertama merujuk kepada golongan khunsa yang dibolehkan untuk melakukan pembedahan oleh kebanyakan ulama' fiqh bagi memperbaiki atau menyempurnakan alat kelamin. Keadaan kedua pula merujuk kepada golongan transeksual atau *mukhannas* yang memiliki alat kelamin yang jelas. Perbezaan ini membawa kepada pengharaman pembedahan pertukaran jantina dilakukan ke atas *mukhannas* kerana tidak wujud keadaan yang memerlukan mereka melakukan sebarang pembedahan.

Di Malaysia, isu pembedahan untuk menukar jantina yang bertentangan iaitu samaada daripada perempuan kepada lelaki atau sebaliknya timbul apabila terdapat dalam kalangan transeksual di Malaysia melakukan perbuatan tersebut bagi melengkapkan keinginan untuk menjadi gender yang dirasakan bersesuaian dengan jiwa mereka (Wan Azmi Ramli, 1998). Justeru, pada tahun 1982, suatu fatwa melalui Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan memutuskan hukum penukaran jantina seperti berikut:<sup>4</sup>

1. Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya adalah haram dari segi syarak.

---

<sup>4</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-4. 13-14 April 1982.

2. Seorang yang dilahirkan sebagai 'khunsa musykil' iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan, diharuskan melakukan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.
3. Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun jantinya berjaya ditukarkan melalui pembedahan.
4. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun jantinya berjaya ditukarkan melalui pembedahan.

JFMK mengharamkan pembedahan pertukaran jantina dilakukan oleh golongan transeksual atau *mukhannas* dan mengharuskan pembedahan dijalankan terhadap Khunsa. Menerusi fatwa daripada JFMK, perbuatan menukar jantina sama ada daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya akan melibatkan implikasi dari aspek hukum syarak berkaitan perkahwinan, perwarisan, peribadatan, kematian dan hal-hal yang berkaitan kerana individu tersebut tetap diiktiraf mengikut jantina asal sewaktu kelahirannya. Dengan itu, seorang lelaki yang menukar jantina kepada perempuan sekiranya berkahwin, maka perkahwinan tersebut dianggap tidak sah. Sebaliknya, fatwa ini mengecualikan khunsa untuk melakukan pembedahan.

Fatwa yang mengharuskan golongan khunsa untuk melakukan pembedahan jantina bertepatan dengan nas al-Quran berdasarkan firman Allah SWT:

“Hai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menjadikan kamu daripada seorang diri (Adam), dan daripadanya dijadikan isterinya (Hawa), dan yang membiakkan daripada keduanya lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertawakallah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan nama-Nya, serta peliharalah hubungan kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati kamu.”

(Surah al-Nisa', ayat 1)

Al-Qurtubi (1999) berpendapat melalui tafsirnya, ayat ini merupakan hujah yang kuat bahawa terdapat hanya dua golongan manusia normal iaitu lelaki dan perempuan. Sebaliknya golongan yang mempunyai dua jantina adalah disifatkan sebagai golongan cacat atau bermasalah yang memerlukan bantuan dari segi perubatan. Oleh sebab khunsa disifatkan sebagai golongan yang mengalami kecacatan pada jantina, maka kebanyakan ulama' fiqh mengharuskan pembedahan dilakukan bagi merawat keadaan tersebut.

Fatwa 1982 yang dikeluarkan oleh JFMK ini diperkuatkan lagi dengan suatu fatwa khusus untuk golongan *khuntha mushkil* seperti berikut:<sup>5</sup>

1. Bagi kes *Congenital Adrenal Hyperplasia* (CAH) pembedahan jantina untuk kembali kepada genetik asal iaitu perempuan adalah diharuskan oleh Islam kerana ia boleh dilakukan melalui rawatan hormon dan pembedahan.
2. Manakala bagi kes *Testicular Feminization Syndrome* (TFS), untuk kembali kepada genetik asal (lelaki) secara pembedahan atau rawatan hormon adalah sukar. Sekiranya individu berkenaan bercadang untuk melakukan pembedahan, ia adalah diharuskan selagimana perbuatan tersebut tidak mendatangkan kemudharatan samada dari aspek psikologi atau biologi kepada individu tersebut.
3. Bagi kes *Testicular Feminization Syndrome* (TFS) yang dikesan ketika dewasa, individu tersebut boleh menjalani kehidupan seperti biasa dan jantina mereka diiktiraf berdasarkan fizikal dan genitalia zahir mereka. Pembedahan untuk mengeluarkan testes (sekiranya ada) adalah harus untuk mengelakkan risiko penyakit seperti mendapat kanser. Perkahwinan dengan pasangan mengalami *Testicular Feminization Syndrome* (TFS) tidak perlu dipisahkan.
4. Pakar-pakar perubatan perlu memberi penjelasan, bimbingan dan menasihati ibu-bapa serta individu-individu muslim yang terlibat dengan kes-kes *Congenital Adrenal Hyperplasia* (CAH) dan *Testicular Feminization Syndrome* (TFS) supaya menjalani rawatan bagi mengelakkan permasalahan hukum agama di kalangan umat Islam.

Manakala pengharaman pembedahan pertukaran jantina selaras dengan beberapa penjelasan daripada nas al-Quran dan nas Sunnah berkaitan isu tersebut. Firman Allah SWT seperti berikut:

Terjemahan: “Dan demi sesungguhnya aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah, dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain daripada Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang nyata”

(Surah al-Nisa’: 119)

Ayat di atas menjelaskan haram mengubah kejadian Allah SWT dengan alasan menurut hawa nafsu semata-mata. Mengubah keadaan fizikal wanita kepada lelaki atau sebaliknya merupakan perbuatan mengubah kejadian ciptaan Allah SWT tanpa sebarang

---

<sup>5</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-76, 21 - 23 November 2006

keperluan. Fatwa JFMK ini juga selari dengan nas Sunnah yang menyebut perihal perempuan yang menyerupai lelaki dan sebaliknya sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Al-Baltaji (2002) dalam perkara tersebut berpendapat, sungguhpun seorang *mukhannas* telah mengubah keadaan fizikal serta tingkah lakunya akan tetapi hukum Islam tetap mengiktiraf dan menganggap mereka sebagaimana lelaki. Sebagai contoh, dalam pembahagian harta pusaka, mereka tetap menerima bahagian yang sepatutnya diterima oleh seorang lelaki. Begitu juga apabila mereka meninggal dunia, jenazah mereka akan disempurnakan dan diuruskan mengikut jantina asal mereka walaupun mereka telah melakukan pembedahan pertukaran jantina. Selain itu, sekiranya mereka melakukan hubungan seks dengan individu yang sejantina dengan mereka, maka perbuatan tersebut termasuk dalam kategori liwat yang diharamkan kerana bercanggah dengan kehendak Islam serta melawan fitrah seorang lelaki.

Fatwa JFMK ini selaras dengan keputusan Muzakarah al-Fiqh al-Islami kali ke-11 yang bersidang pada tahun 1989 di Mekah, bersepakat mengharamkan pembedahan pertukaran jantina dilakukan oleh golongan *mukhannath* kecuali dalam kes yang melibatkan khunsa.<sup>6</sup> Kesepakatan ini boleh dilihat dalam fatwa yang dikeluarkan oleh beberapa negara Islam lain seperti Arab Saudi (Al-Jurayyan, 2011) dan Mesir (Dessouky, 2011). Melalui fatwa 1982, institusi perubatan yang menawarkan pembedahan pertukaran jantina telah dihentikan (Wan Azmi Ramli, 1989). Namun begitu, tidak terdapat sebarang undang-undang yang boleh menyekat seseorang daripada melakukan pembedahan di luar negara. Oleh itu, suatu fatwa berkaitan larangan mengubah status jantina pada dokumen pengenalan diri dikeluarkan pada tahun 2005 seperti berikut:<sup>7</sup>

1. Menukar status jantina dalam MyKad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang diharuskan oleh Syarak adalah harus; dan
2. Menukar status jantina dalam MyKad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang tidak dibenarkan oleh Syarak adalah haram.

Melalui fatwa ini, seseorang yang telah melakukan pertukaran jantina tetap tidak dibenarkan untuk menukar status jantina dalam dokumen pengenalan. Oleh itu, penulis berpendapat, fatwa JFMK selaras dengan beberapa nas al-Quran dan al-Sunnah berkenaan *mukhannas* dan hukum pembedahan pertukaran jantina.

---

<sup>6</sup> Al-Majma' al-Fiqh al-Islami Kali ke-11, Mekah.13-20 Rejab 1409 H.

<sup>7</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-68. 14 April 2005.

## Kesimpulan

Berdasarkan kajian, penulis mendapati fatwa JFMK tentang pengharaman pembedahan pertukaran jantina tidak melibatkan golongan khunsa. Ini kerana khunsa dilahirkan dengan jantina yang tidak jelas; memerlukan rawatan bagi menyempurnakan jantina supaya mereka boleh mengatur kehidupan berdasarkan jantina mereka. Bagaimanapun, fatwa JFMK mengharamkan pembedahan jantina dilakukan ke atas golongan *mukhannas* kerana ia dianggap mengubah keadaan fizikal manusia yang merupakan ciptaan oleh Allah SWT. Selain itu, Islam hanya mengiktiraf dua jenis jantina manusia yang boleh dilihat melalui keadaan fizikal seseorang sejak kelahiran iaitu samaada lelaki ataupun perempuan melainkan dalam kes khunsa.

## Rujukan

- American Psychiatric Association (2000). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders* (4th ed. Text revision). Washington, DC: American Psychiatric Association
- Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar (1993), *Fathul Bari*. Beirut: Dar Al-Fikr
- Al-Andalusi, Ibnu al-Bari (1967). *Al-Tamhid li ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. t. tp.: t. pt.
- Al-Baltaji, Muhammad (2002). *Fiqh Al-Mar'ah Fi Al-Islam*. Kaherah: Dar Ibn Kathir
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail (1998). *Sahih Al-Bukhari*. Damsyik: Dar Al-Hadith
- Chang Lee Wei et al. (2012), Transgenderism in Malaysia, *Journal of Dharma* 37(1), Retrieved from Dharmaramjournals: <http://www.dharmaramjournals.in/ArticleDetail443>
- Dessouky, N. (2001). Gender assignment for children with intersex problems: An Egyptian perspective. *Egyptian Journal of Surgery* 20, 499–515
- Hausman, Bernice L. (1995). *Changing Sex: Transsexualism, Technology and The Idea of Gender*. Durham: Duke University Press
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad (t.t). *Al-Mughni*. Mesir : Matba'ah al-Manar
- Al-Jurayyan, N.A. (2011). Disorders of sex development: Diagnostic approaches and management options-an Islamic perspective. *Malaysian Journal of Medical Sciences* 18, 4-12

- Khairuddin Yusof, Loh Wah Yun dan Wong Yut Lin (1987). Ulasan sosial dan kesihatan Transeksual. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Mak Nyah kearah menentukan identiti dan status Mak Nyah dalam masyarakat. Fakulti Undang-undang. Universiti Malaya
- Mohd Roslan Rosnon, Mohamad Naquiuddin Dahamat Azam, Mohd Najmi Daud (2013). Phenomenon of transsexual behaviour among youth in Kuala Lumpur: A case study. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities* 21(S): 109-122
- Mohd. Shuhaimi Ishak & Sayed Sikandar Shah Haneef (2014), Sex reassignment technology: the dilemma of transsexuals in Islam and Christianity. *Journal of religion and health* 53, 520-537
- Muhammad Rawas Qalaji (t.t). *Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*. t. t.: Dar Al-Nafa'is
- Al-Qurtubi, Muhamad Ibn Ahmad (1999). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Qur'an*. Beirut: Dar Al-Basha'ir
- Razali Shahabudin & Anisah Ab Ghani (2015), Pelaksanaan haji dan umrah bagi golongan khuntha dan mukhannath. *Jurnal Fiqh* 12, 79-94
- Al-Sarkhasi, Syams al-Din (1993). *Kitab al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Al-Syarbini, Muhammad al-Khatib (t.t). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr
- Stryker, Susan (2008). *Transgender History*. California: Seal Press
- Stryker, Susan, and Stephen Whittle. 2006. *The Transgender Studies Reader*. New York: Routledge
- Suriati Ghazali, Azilah M. Nor, Jabil Mapjabil (1985). Suatu analisis mengenai peranan media dalam penyebaran gaya hidup transeksual di Malaysia. *Jurnal Perspektif* 5(1): 66-82
- Teh Yik Koon (1998), Understanding the problem of Mak Nyahs (male transsexuals) in Malaysia. *Southeast asia research* 6(2)
- Teh Yik Koon (2002), *The Mak Nyahs: Malaysian Male to Female Transsexuals*. Singapore: Eastern Universities Press
- The Guardian (2005) A Fatwa For Freedom by Robert Tait Retrieved from <https://www.theguardian.com/world/2005/jul/27/gayrights.iran>
- Wan Azmi Ramli (1991), *Dilema Mak Nyah Suatu Ilusi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Al-Zuhaily, Wahbah Mustaffa. *Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Terj. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication